

03 APR 2001
Parlimen-Pembangkang
USAHA PEMBANGKANG TUNDA PEMBENTANGAN RRJP3 GAGAL

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Usaha pihak pembangkang untuk menunda pembentangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Dasar Wawasan Negara (DWN) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini gagal walaupun berjaya mengganggu aturan urusan mesyuarat Dewan selama kira-kira 15 minit.

Kekecohan di Dewan itu bermula apabila Ketua Pembangkang Datuk Fadzil Noor bangun tiba-tiba sebaik selesai sesi soal jawab untuk mencadangkan usul supaya pembentangan RRJP3 itu ditunda untuk memberi peluang anggota Dewan meneliti kandungan buku laporan yang baru diterima semalam.

"Buku laporan RRJP3 ini penting bagi negara di alaf baru. Ia tidak boleh dilayan sebagai projek roti canai segera," katanya Fadzil.

Bagaimanapun permintaannya itu ditolak oleh Timbalan Speaker Datuk Lim Si Cheng yang mengatakan perkara itu adalah sama dengan apa yang dibangkitkan oleh pembangkang dalam persidangan semalam dan buku laporan itu telahpun diedarkan kepada semua anggota, sama ada pembangkang atau penyokong kerajaan.

"Tidak ada peruntukan yang menyatakan bahawa laporan itu perlu diedar beberapa hari sebelum usul dibentangkan, dan tidak ada juga peruntukan yang memerlukan saya menanggungkan mesyuarat ini. Jadi saya memutuskan supaya mesyuarat berjalan mengikut aturan urusan mesyuarat yang ditetapkan," kata Lim disambut sokongan para penyokong kerajaan.

Menurut Lim, tiga hari akan diperuntukkan bagi anggota Dewan mengambil bahagian dalam perbahasan.

"...tetapi sekiranya pembangkang perlu masa yang lebih untuk meneliti laporan itu, saya cadangkan Yang Berhormat ambil bahagian dalam perbahasan pada hari kedua atau ketiga," katanya.

Pada ketika ini kelihatan beberapa anggota pembangkang bangun untuk membantah keputusan Timbalan Speaker.

Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) berkata: "...Yang pertama berucap (selepas pembentangan usul oleh Perdana Menteri) mestilah Ketua Pembangkang, bukannya pada hari kedua atau ketiga."

Kenyataannya disambut Mohamad Sabu (PAS-Kuala Kedah) yang mengatakan sepanjang kehadirannya di Dewan itu, buku laporan itu biasanya diberi tiga hari lebih awal kepada anggota Dewan.

Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) pula mempertikaikan mengapa pembentangan RRJP3 itu tidak disertai dengan laporan Majlis Perunding Ekonomi Negara (Mapen) seperti yang dilakukan pada pembentangan RRJP2 dahulu.

"Laporan Mapen pun tak ada, jadi apa kata kita tunda pembentangan ini hingga Isnin depan," katanya disambut gemuruh oleh barisan pembangkang tetapi dihentikan oleh Lim dengan mengarahkan Dr Mahathir meneruskan ucapan pembentangannya.

Dr Mahathir yang akur dengan arahan Lim, bangun berkata: "Anggota YB yang ingin tangguh perbahasan ini boleh tangguh ambil bahagian sampai minggu depan," katanya.

Kata-katanya itu disokong oleh para penyokong kerajaan termasuk Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin), Datuk Mohamad Zin Mohamed (BN-Shah Alam), Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut) dan Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan).

Beberapa penyokong pembangkang termasuk Mahfuz Omar (PAS-Pokok Sena), Mohamad Apandi Mohamad (PAS-Jeli), Che Ghani Che Ambak (PAS-Setiu) terus

membantah dengan menggunakan Peraturan Mesyuarat, menyebabkan suasana menjadi hingar-bingar dengan kata-kata yang tidak begitu jelas kedengaran.

Lim yang nyata tercabar dengan keadaan itu cuba menenangkan keadaan.

"Kalau semua YB nak bangkitkan Peraturan Mesyuarat, saya harap semuanya boleh mematuhi Peraturan Mesyuarat 42 iaitu bila saya bercakap semua kena diam," katanya.

Arahannya nyata dipatuhi apabila Dewan kembali senyap sebentar bagi membolehkan Dr Mahathir menyambung ucapannya.

Bagaimanapun apabila Dr Mahathir memulakan ucapan dengan kata-kata: "Sebagai wakil kepada majoriti rakyat di negara ini..." sekali lagi suasana dewan gamat apabila diboo oleh pihak pembangkang.

Datuk Dr Hassan Ali (PAS-Parit Buntar) yang masih tidak berpuas hati bangun mencelah ucapan Dr Mahathir.

"Bagaimana kita nak membahar laporan yang diberi dalam masa kurang 22 jam, laporan yang setebal lebih 200 muka surat. Bagaimana kita nak membaca dan memahami laporan ini? Adakah kita nak jadi `rubber stamp' aje kat sini?" kata Hassan dengan penuh emosi.

Kata-kata Hassan itu nyata menyebabkan Dewan yang hampir senyap tadi bising semula dengan beberapa anggotanya bertikam lidah dan bercakap dalam masa yang sama.

Bagaimanapun, keadaan itu dapat diredakan oleh Lim yang mengatakan keputusannya terhadap pembentangan RRJP3 dan DWN itu adalah muktamad.

"Saya harap janganlah YB memaksa saya bertindak sesuatu. Keputusan telah dibuat, sila patuhi," katanya sambil meminta Dr Mahathir meneruskan ucapannya.

Bagaimanapun, ucapan Perdana Menteri itu terus terganggu beberapa kali akibat suasana bising sehingga memaksanya berkata: "Kalau ada lagi yang nak bercakap, sila..."

Kerk yang mengambil kesempatan daripada pelawaan Dr Mahathir itu terus bangun dan mengulangi permintaannya supaya pembentangan itu ditunda sehingga Isnin depan.

Perdana Menteri yang meneruskan ucapan pembentangannya kemudian berkata: "Dokumen itu penting, bagi yang boleh baca, dia boleh baca dalam masa sejam."

-- BERNAMA

NHA HS PR